

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUNGAI
BULOH)**

TARIKH : 26 OKTOBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN R. SIVARASA [SUNGAI BULOH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan untuk tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 September 2021, di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Istimewa) SOSMA 2012, berapa orang ditangkap, berapa di dakwa di Mahkamah (dan kategori kesalahan) dan sama ada Kerajaan bercadang membuat pindaan kepada akta tersebut untuk memastikan proses pengadilan di bawah akta itu adalah serupa dengan Kanun Acara Jenayah dan lebih adil kepada semua pihak khususnya orang dituduh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 September 2021, seramai 374 orang telah ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah - Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Daripada jumlah tersebut, pihak Cawangan Khas telah menahan seramai 62 orang yang melibatkan tujuh (7) orang untuk siasatan berkaitan aktiviti keganasan militan dan 55 orang lagi ditahan untuk siasatan berkaitan kesalahan pemerdagangan orang dan penyeludupan migran. Daripada jumlah tersebut, 29 orang telah didakwa di mahkamah iaitu empat (4) didakwa di bawah Seksyen 130JB (1)(a) Kanun Keseksaan dan 25 orang lagi didakwa di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang Dan Antipenyeludupan Migran(ATIPSOM) 2007.

Manakala Jabatan Siasatan Jenayah pula telah menahan seramai 312 orang di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) SOSMA 2012, atas kesalahan Bab VIB Jenayah Terancang Kanun Keseksaan bagi tempoh 1 Januari 2020 sehingga 30 September 2021.

Bagi menjawab soalan berkaitan pindaan terhadap Akta SOSMA 2012 pula, Kerajaan berpandangan bahawa undang-undang ini masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian agar tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan sebarang kegentaran awam, perselisihan antara kaum dan ancaman kepada kesejahteraan rakyat. Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara. Usaha-usaha penambahbaikan terhadap undang-undang tersebut berterusan dari semasa ke semasa.